

'Waspada puak anti-Melayu berusaha rebut kuasa

10 AUG 1988

SIK 27 Ogos — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat supaya berwaspada terhadap puak - puak yang anti-Melayu yang sedang berusaha merebut kuasa dari kerajaan.

Tegasnya: "Janganlah kita dijajah lagi, kali ini oleh kuasa dalam negeri yang sudahpun mula menjual maruah kerana kepentingan peribadi."

Menurut beliau, puak tersebut sanggup mengadakan pakatan dengan golongan yang anti-Melayu setelah gagal merebut kuasa.

Perdana Menteri mengingatkan demikian semasa berucap kepada kira - kira 100,000 rakyat jelata di upacara pelancaran SEMARAK Negeri Kedah di Perangin di sini petang ini.

Katanya, rakyat hendaklah berwaspada agar negara ini tidak terjatuh ke tangan 'penjajah' lagi. Beliau memberikan contoh kejatuhan Melaka ke tangan Portugis yang menurutnya ialah kerana terdapat penderhaka bernama Kitol yang membocorkan rahsia kepada Portugis.

Perdana Menteri juga mengingatkan rakyat supaya jangan berfikir bahawa orang seperti itu sudah tiada lagi.

Orang - orang seperti itu akan muncul semula dan menjualkan negara kepada penjajah, walau "penjajah" dalam negara ini sekalipun.

"Ada orang - orang Melayu yang menyerahkan kedudukan mereka kepada golongan yang

anti orang Melayu," tambah beliau.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, walaupun terdapat pelbagai kaum di negara ini, kaum - kaum itu yang menyertai parti - parti MCA, MIC, Gerakan dan lain - lain adalah golongan yang bersimpati serta bersetuju dengan dasar - dasar yang digubal oleh kerajaan kerana dasar - dasar itu adalah dasar - dasar yang adil.

Menjatuhkan

Perdana Menteri berkata bagaimanapun, terdapat sesetengah parti politik yang menentang asas perpaduan dalam negara ini dan mereka ingin menjatuhkan kerajaan dengan apa cara sekalipun.

Beliau berkata, terdapat tanda - tanda yang menunjukkan orang - orang yang gagal merebut kuasa telah menjemput golongan itu menyokong mereka, tidak kira sama ada golongan itu mengancam perpaduan atau bersikap penjajah.

Beliau mengingatkan rakyat bahawa orang - orang itu akan menggunakan bermacam - macam taktik untuk memburukkan kerajaan, termasuk memburukkan orang lain dan mengotorkan imej orang lain dengan cerita - cerita palsu.

Beliau berkata sudah ada orang - orang yang terpengaruh dan terpesong dengan taktik - tak-

Waspada anti-Melayu

nik ya.g mereka gunakan.

Katanya, orang - orang itu tidak akan mengamalkan demokrasi jika mereka dapat memerintah negara kerana mereka takut kepada rakyat.

Golongan itu juga tidak sama sekali bersimpati dengan golongan

yang miskin termasuk bumiputera dan orang di luar bandar.

Beliau mengingatkan rakyat supaya mengingati kembali sejarah negara ini yang pernah dikuasai oleh negara asing kerana orang yang lupa sejarah akan mendapat balasan apabila sejarah berulang.

(LIHAT MUKA 11)